



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

4 NOVEMBER 2025 (SELASA)

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	20	4 Nov

Pemandu lori didenda RM8,000 pindah lembu tanpa kebenaran

SUNGAI SIPUT - Seorang pemandu lori didenda RM18,000 selepas mengaku salah memindahkan 18 lembu tanpa kebenaran pihak berkuasa di Mahkamah Majistret Sungai Siput di sini pada Isnin.

Muhammad Fauzan Razali, 27, didakwa melakukan perbuatan itu di Kilometer 42, Jalan Kuala Kangsar-Ipoh kira-kira jam 2 pagi pada 3 Mei lalu.

Mengikut pertuduhan, dia dituduh memindahkan 18 lembu hidup tanpa kebenaran bertulis sah oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak atau mana-mana pegawai.

Dia didakwa mengikut Perenggan 3(a) Perintah Menteri Besar bagi Perintah Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut Perak 2008 yang dibaca bersama Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa JPV Perak, Roziman Awang Tahrin di hadapan Majistret Nazratul Natrah Mohd Yusuf.

Terdahulu, peguam bela, Muhammad Zaem Ab Aziz yang mewakili tertuduh memohon mahkamah mengenakan hukuman denda minimum.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda selain memerintahkan keseluruhan hasil jualan lembu dilucut hak.



Muhammad Fauzan (kiri) mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Sungai Siput pada Isnin.

Pindah Lembu Tanpa Kebenaran, Pemandu Lori didenda Rm8,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Berita	Dalam Talian	3 Nov



Muhammad Fauzan (kiri) mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Sungai Siput pada Isnin atas dakwaan memindahkan 18 ekor lembu tanpa kebenaran Pengarah JPV Perak, Mei lalu.

SUNGAI SIPUT - Seorang pemandu lori mengaku bersalah di Mahkamah Majistret Sungai Siput pada Isnin atas dakwaan memindahkan 18 ekor lembu tanpa kebenaran Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak, Mei lalu.

Muhammad Fauzan Razali, 27, yang merupakan Orang Kena Saman (OKS) didakwa melakukan perbuatan tersebut di Kilometer 42, Jalan Kuala Kangsar-Ipoh

dalam daerah Kuala Kangsar jam 2 pagi pada 3 Mei 2025.

Mengikut pertuduhan, OKS didakwa telah memindahkan 18 ekor lembu hidup dengan menggunakan sebuah lori tanpa kebenaran bertulis yang sah daripada Pengarah JPV Perak atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan di bawah Perenggan 3(a) Perintah Menteri Besar bagi Perintah

Kawasan Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut bagi negeri Perak 2008 yang dibaca bersama Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang (pindaan) 2013 (Akta A1452) yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

OKS bagaimanapun mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Nazratul Natrah Mohd Yusuf.

Terdahulu, peguam bela, Muhammad Zaem Ab Aziz yang mewakili OKS memohon agar mahkamah mengenakan hukuman denda minimum kerana kesalahan yang dilakukan tidak serius serta tidak melibatkan sebarang kerosakan harta benda atau kecederaan.

Beliau juga memohon agar lori yang digunakan dalam kes itu dikembalikan kepada pemilik asal manakala wang hasil jualan lembu berjumlah RM43,200 pula diserahkan separuh kepada lelaki itu.

Bagaimanapun, Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Perak, Roziman Awang Tahrin berkata, hukuman sewajarnya perlu dikenakan terhadap OKS kerana kesalahannya bukan perkara remeh sebaliknya penting

bagi mengawal penularan penyakit dan keselamatan industri ternakan serta ekonomi negara.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM8,000 dan hukuman penjara lapan bulan jika gagal membayar denda berkenaan selain memerintahkan keseluruhan hasil jualan lembu dilucut hak kepada kerajaan Malaysia manakala lori tersebut diserahkan kepada pemilik asal.-[SINARHARIAN](#)

DVS Mahu Wajibkan Pemasangan Tanda Pengenalan Pada Ternakan Ruminan			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Dalam Talian	3 Nov



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) kini dalam proses memuktamadkan peraturan baharu bagi mewajibkan pemasangan anda pengenalan pada ternakan ruminan seperti lembu, kerbau, kambing dan bebiri.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata semua ternakan terbabit akan direkodkan dalam pangkalan data kebangsaan DVS bagi memudahkan pengesanan

pemilik dan lokasi premis sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang atau kemalangan.

"Melalui sistem ini, pemilik yang gagal mendaftarkan ternakan boleh dikenakan tindakan kompaun.

"Ia (Sistem) juga membantu DVS dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengurus haiwan berkeliaran dengan lebih efektif, selaras dengan peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Binatang

1953 (Akta 647).

"Langkah ini bukan sahaja meningkatkan akauntabiliti pemilik, tetapi juga memperkukuh kawalan penyakit dan keselamatan komuniti setempat," katanya pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2026 peringkat dasar, di Dewan Rakyat, hari ini.

Berhubung kawalan terhadap penyeludupan dan keperluan sistem 'traceability' atau pengesanan dalam industri daging, Mohamad berkata, agensi penguatkuasa akan melipatgandakan usaha bagi memperkukuh pelaksanaan penguatkuasaan di semua pintu masuk negara serta sempadan darat, laut dan udara.

Agensi penguatkuasa terbabit termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS).

"Selain itu, bagi meningkatkan ketelusan rantaian pasaran daging, sistem e-VetMI diperkenalkan oleh DVS, membolehkan pengguna menjejak asal-usul karkas, rumah sembelih, tarikh sembelihan dan pemeriksa

daging yang terbabit.

"Langkah ini selaras dengan amalan terbaik antarabangsa seperti di Jepun, bagi memelihara integriti pasaran serta melindungi kepentingan pengguna," katanya.-[BHONLINE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR